JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

A

Mohd Naziezul bin Ibrahim lwn Pendakwa Raya dan rayuan-rayuan lain

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NOS D-05–287–10 TAHUN 2011, D-05–288–10 TAHUN 2011 & D-05–289–10 TAHUN 2011

BALIA YUSOF WAHI, MOHTARUDIN BAKI AND ROHANA YUSUF HHMR

C

25 JUN 2014

Prosedur Jenayah — Rayuan — Kredibiliti saksi — Sama ada dapatan hakim bicara mengenai kredibiliti saksi boleh diganggu gugat di peringkat rayuan

D

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a) — 18.77g methamphetamine — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu ditangkap semasa cuba menjual dadah berbahaya kepada ejen perangkap — Sama ada terdapat penyerahan dadah berikutan daripada rundingan dan persetujuan dengan ejen perangkap — Sama ada terdapat transaksi jual beli yang menepati takrif pengedaran di bawah s 2 Akta — Sama ada pengedaran dibuktikan — Sama ada saksi pendakwaan berwibawa dan kredibel — Sama ada pembelaan 'frame up' menimbulkan keraguan munasabah

E

F

Kes ini melibatkan 'ejen perangkap' di mana ASP Alias (SP11) telah mengarahkan L/Kpl Azhar bersama L/Kpl Syed Nadihan (SP5) dan L/Kpl Kamarul Ariffin (SP8) menjadi ejen perangkap dan menyamar untuk membeli dadah daripada ketiga-tiga perayu. Satu pertemuan telah berlangsung SP5, SP8 (AP3), L/Kpl Azhar (AP2) dengan perayu-perayu. Dalam pertemuan itu mereka berbincang tentang pembelian pil kuda yang hendak dibeli oleh SP5. Lanjutan daripada perbincangan itu, pihak-pihak telah kemudian bertemu di sebuah kawasan letak kereta untuk tujuan penyerahan pil kuda yang dipesan. SP4 dan SP11 bersama pasukan masing-masing telah membuat pemerhatian dan pengawasan di kawasan tersebut. Atas isyarat yang diberikan oleh SP5, pasukan polis telah menyerbu dan menangkap perayu-perayu sera merampas dadah berbahaya jenis methampethamine seberat 18.77g. Perayu-perayu telah dituduh dengan kesalahan mengedar 18.77g dadah methamphetamine, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Pembelaan perayu-perayu adalah satu penafian semata-mata dan mempunyai unsur 'frame up' oleh SP5. Perayu-perayu mengatakan SP5 yang membawa dadah tersebut ke dalam kereta meraka. Di akhir kes pembelaan YA hakim bicara mendapati bahawa

G

H

I

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

perayu-perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan telah mensabitkan mereka dan mengenakan hukuman mati mandatori. Perayu-perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman atas alasan hakim bicara ('hakim') telah khilaf tentang pemakaian s 2 ADB dalam mendapati sabitan pengedaran dadah terhadap perayu-perayu, kegagalan untuk menguna pakai s 39A(1)(r) ADB dalam menentukan hukuman dan juga kegagalan dalam memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan perayu-perayu. Dihujahkan bahawa pemakaian s 2 oleh hakim tanpa terlebih dahulu membuat penemuan tentang penyerahan dadah tersebut adalah satu kekhilafan. Perayu-perayu juga mempersoalkan kredibiliti SP5 sebagai ejen perangkap yang menyebabkan identiti dadah diragui.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Adalah tidak benar bahawa hakim tidak membuat penemuan tentang terdapatnya penyerahan dadah apabila beliau menguna pakai s 2 bagi mensabitkan perayu-perayu dengan kesalahan mengedar dadah. Tiada apa-apa kekhilafan fakta telah dibuat oleh hakim di dalam dapatan faktanya, bahawa terdapat penyerahan berikutan daripada rundingan dan persetujuan yang telah dipersetujui antara 'ejen perangkap' dan perayu-perayu. Lanjutan daripada penemuan dan perjanjian di antara mereka, satu transaksi jual beli yang sempurna telah berlaku dan menepati takrif pengedaran di bawah s 2 (lihat perenggan 41).

(2) Dapatan pengedaran dadah oleh perayu-perayu oleh hakim adalah satu pengedaran dadah di bawah s 2 ADB dan bukannya satu tanggapan pengedaran di bawah s 37(da). Apabila telah dibuktikan terdapatnya pengedaran yang sebenar di bawah s 2 maka tidak perlu lagi apa-apa tanggapan dibuat di bawah s 37(da) ADB. Memandangkan definisi 'pengedaran' di bawah s 2 pada asasnya memerlukan satu kes pengedaran dibuktikan melalui cara-cara yang ditetapkan di bawah seksyen tersebut, jumlah atau berat dadah yang terlibat tidak lagi menjadi isu. Tidak ada apa kekhilafan berlaku di atas pemakaian s 2 ke atas perayu-perayu, kerana fakta kes ini adalah jelas terdapatnya satu transaksi jual beli dadah (lihat perenggan 43).

(3) Hakim telah mendapati SP5 adalah saksi yang berwibawa dan kredibel dan keterangan beliau adalah utuh. Hakim juga mendapati tindak tanduk dan sikap SP5 jelas menunjukkan beliau adalah saksi yang bercakap benar dan keterangannya hendaklah diterima di bawah s 40A ADB. Malahan, hakim mendapati keterangan SP5 adalah selari dengan tindakan awal dan susulan hasil rundingan jualan dadah yang tidak dinafikan oleh perayu-perayu. Tidak ada apa-apa kekhilafan oleh hakim mengenai dapatannya tentang kredibiliti SP5. Dapatan hakim adalah berlandaskan alasan yang kukuh. Dapatan hakim bicara mengenai

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

kredibiliti saksi adalah satu dapatan yang tidak harus diganggu gugat di peringkat rayuan (lihat perenggan 45–46).

(4) Dalam mempertimbangkan pembelaan 'frame up', hakim telah mendapati bahawa pembelaan ini telah dibuat tanpa apa-apa keterangan sokongan. Hakim telah memberi pertimbangan wajar di dalam menilai dan membuat penemuanya bahawa pembelaan perayu-perayu tidak menimbulkan satu keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 48).

[English summary

This case involved agent provocateur where ASP Alias ('SP11') instructed L/Kpl Azhar together with L/Kpl Syed Nadihan ('SP5') and L/Kpl Kamarul Ariffin ('SP8') to act as agent provocateurs and to pretend to purchase drugs from the three appellants. A meeting took place between SP5, SP8 (AP3), L/Kpl Azhar (AP2) and the appellants. In the meeting, they discussed about the purchase of horse pills, to be purchased by SP5. Pursuant to the discussion, the parties then met at a parking space for the purpose of handing over of the ordered horse pills. SP4 and SP11 together with their respective teams carried out surveillance and observation at the area. Upon signal given by SP5, the police party ambushed and arrested the appellants and seized the dangerous drugs methamphetamine weighing 18.77g. The appellants were charged for trafficking 18.77g of methamphetamine, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') read together with s 34 of the Penal Code. The appellants' defence was a bare denial and contained the element of frame up by SP5. The appellants argued that it was SP5 who brought the drugs to their car. At the end of the defence's case, the trial judge found the appellants had failed to cast a reasonable doubt on the prosecution's case and convicted and sentenced them to mandatory death. The appellants appealed against the conviction and sentence on the ground that the trial judge ('the judge') had erred in the application of s 2 of the DDA in convicting the appellants for trafficking, the failure to apply s 39A(1)(r) of the DDA in determining the sentence and the failure to give due consideration to the appellants' defence. It was further argued that the application of s 2 by the judge without first making a finding about the handing of the drugs was an error. The appellants also questioned the credibility of SP5 as an agent provocateur, causing the identity of the drugs to be doubted.

Held, dismissing the appeal:

(1) It was not true that the judge did not make a finding about the handing of the drugs when His Lordship had applied s 2 to convict the appellants for trafficking in drugs. There was no factual error made by the judge in his finding of facts, that there was handing over following the negotiation and agreement made between the agent provocateur and the appellants. Pursuant to the finding and the agreement between them, a complete sale

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

and purchase transaction had taken place and met the definition of trafficking under s 2 (see para 41).

(2) The finding of drug trafficking by the appellants by the judge was one of drug trafficking under s 2 of the DDA and not a presumption of trafficking under s 37(da). When it has been proven that there was actual trafficking under s 2, there would be no need for presumption to be made under s 37(da) of the DDA. Since the definition of trafficking under s 2 essentially required a case of trafficking to be established under steps laid out under the said section, the amount or weight of the drugs involved were no longer an issue. No error occurred on the application of s 2 on the appellants as on the facts of the case, there was clearly a sale and purchase transaction of drugs (see para 43).

(3) The judge found SP5 to be a credible witness and his evidence was solid. The judge also found SP5's actions and demeanour clearly showed that he was a truthful witness and his evidence was accepted under s 40A of the DDA. In fact, the judge found SP5's evidence to be in accordance with the action prior and in consequent to the negotiation of the drug sales, both of which were not denied by the appellants. There was no error made by the judge on his finding about the credibility of SP5. The judge's finding was based on solid reasons. The judge's finding about the credibility of the witness was a finding that should not be disturbed at appellate stage (see paras 45–46).

(4) In considering the defence of 'frame up', the judge found that the defence was made without any supporting evidence. The judge had given due consideration in assessing and making a finding that the appellants' defence did not raise a reasonable doubt on the prosecution's case (see para 48).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kredibiliti saksi, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 943.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan-perenggan 763–910.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Karim bin Pak Kub & Anor v PP [1997] 2 MLJ 112; [1997] 2 CLJ 383, MR (dirujuk)

Mah Hong Ching & Anor v PP [2007] 1 MLJ 123, MP (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, MA (diikut)

PP v Sa'ari bin Jusoh [2007] 2 MLJ 409, MP (dirujuk)

PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79, MP (dirujuk)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 34, 37(da), 39A(1), 39A(1)(r), 39B(1)(a), 40(a)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2009 (Mahkamah Tinggi, Kota Bharu)

Ahmad Zaidi bin Zainal (Ahmad Zaidi & Partners) bagi pihak perayu pertama.
Muhamad Hasif bin Hassan (Hasif, Nor Hayati & Co) bagi pihak perayu kedua.
Benedict Cheang Chu Yong (Benedict Cheang, Naziruddin & Co) bagi pihak perayu ketiga.
How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Rohana Yusuf HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Rayuan ini dibuat oleh ketiga-tiga perayu berikutan daripada keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 27 September 2011. Ketiga-tiga perayu, Mohd Naziezul bin Ibrahim ('OKT2'), Wan Muhammad Hanisan bin Wan Ismail ('OKT3') dan Azizul Fahmie bin Mamat ('OKT4') telah dituduh dan dibicarakan bersama seorang lagi tertuduh, Jafri bin Ja'afar ('OKT1') di Mahkamah Tinggi Kota Bharu atas kesalahan mengedar 18.77g dadah methamphetamine, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pendakwaan, OKT1 (Jafri bin Ja'far) telah dilepas dan dibebaskan. Manakala ketiga-tiga perayu telah dipanggil untuk membela diri. Di akhir perbicaraan ketiga-tiga perayu telah disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori.

[2] Kami telah mendengar rayuan perayu-perayu pada 21 November 2013 dan telah dengan sebulat suara memutuskan menolak rayuan mereka. Kami perturunkan alasan terperinci kami di dalam penghakiman ini.

[3] Mohd Naziezul bin Ibrahim (OKT2) adalah perayu pertama dan beliau dikenali dengan nama 'Joe'. Wan Muhammad Hanisan bin Wan Ismail (OKT3) adalah perayu kedua dan dikenali sebagai 'Hisan' dan Azizul Fahmie bin Mamat (OKT4) adalah perayu ketiga dan dikenali dengan panggilan 'Pok Wee'. Bagi memudahkan rujukan, kami akan menggunapakai rujukan OKT2, OKT3 dan OKT4 sebagaimana yang telah digunakan oleh Mahkamah Tinggi terhadap perayu-perayu.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

A FAKTA KES

[4] Kes ini melibatkan '*agent provocateur*' di mana ASP Alias bin Abu Bakar ('SP11') mengarahkan L/Kpl Azhar bersama L/Kpl Syed Nadihan ('SP5') dan L/Kpl Kamarul Ariffin ('SP8') menjadi '*agent provocateur*' dan menyamar untuk membeli dadah daripada tiga lelaki yang diketuai oleh seorang yang dikenali dengan panggilan nama Pok Wee (OKT4). Arahan oleh SP11 adalah berikutan daripada maklumat oleh 'informer' (kepada Jabatan Narkotik IPK pada 30 Mei 2008) tentang kegiatan pengedaran dadah jenis pil kuda oleh tiga lelaki tersebut.

[5] Pada sebelah pagi 31 Mei 2005, SP5, SP8, L/Kpl Azhar dan Insp Rikie Zaizi ('SP4') telah bertemu '*informer*' yang memberikan nombor telefon Pok Wee kepada SP5, dan juga telah memberi nombor telefon SP5 kepada Pok Wee. SP5 menyamar sebagai pembeli dari Kuantan bernama 'Iwan'.

[6] Pok Wee menelefon SP5 pada petangnya dan SP5 memberitahu Pok Wee yang beliau berada di Kuantan. Pok Wee bertanya 'bila nak mari, barang dah ada ni'. SP5 memberitahu beliau akan bertolak ke Kota Bharu pada malam itu juga.

[7] Pada tengahari 31 Mei 2008 satu pertemuan telah berlangsung di sebuah gerai makan Medan Selera Stadium Sultan Muhammad Kota Bharu antara SP5, SP8 (AP3), L/Kpl Azhar (AP2) dengan ketiga-tiga lelaki tersebut. Mereka datang dengan menaiki kereta Proton, nombor pendaftaran DU2732 (eksh P15).

[8] Dalam pertemuan itu mereka telah memperkenalkan diri mereka masing-masing sebagai Joe (OKT2), Hisan (OKT3) dan Pok Wee (OKT4). Pertemuan tersebut telah diawasi dan diperhatikan oleh SP4 dan SP11 bersama-sama 20 anggota polis yang berada di sekitar tempat itu.

[9] Dalam pertemuan itu juga berlaku tawar menawar harga pil kuda yang hendak dibeli oleh SP5, di mana ketiga-tiga perayu sama-sama turut serta dalam perbincangan tersebut. Hasil perbincangan itu, SP5 telah bersetuju dengan harga yang ditetapkan. Ketiga-tiga OKT telah bersetuju untuk membekalkan satu kandang (2000 biji) pil kuda kepada SP5. Sebelum mereka bersurai, mereka berjanji akan menelefon SP5 apabila bekalan dadah yang telah dipesan itu diperolehi dan akan bertemu sekali lagi untuk tujuan penyerahan pil kuda yang dipesan itu. Tempat pertemuan untuk penyerahan belum ditetapkan pada masa itu.

[10] Sebaik sahaja ketiga-tiga OKT beredar, SP4 dan pasukan beliau cuba mengekori kereta mereka tetapi gagal. SP11 mengarahkan semua anggota

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

berkumpul di bangunan TESCO, Kota Bharu. Semasa di TESCO, SP5 telah menghubungi Pok Wee bertanyakan tentang pil kuda yang dipesan. Pok Wee memberitahu, walaupun dadah yang dipesan telah ada, tetapi ianya tidak selamat untuk dibawa kerana ada sekatan polis.

[11] Pada kira-kira jam 5.30 petang, Pok Wee telah menelefon SP5 memberitahu jika SP5 hendak cepat, beliau perlu mendapatkan bekalan pil kuda daripada 'towkay' lain pada harga yang lebih tinggi iaitu RM27,500. SP5 memberitahu Pok Wee bahawa beliau perlu mendapatkan persetujuan dari boss beliau terlebih dahulu dan akan menelefon Pok Wee semula.

[12] Selepas itu semua anggota yang terlibat (termasuk SP5, SP8 dan L/Kpl Azhar) telah pulang ke Pejabat Narkotik. Semasa di situ, SP5 telah menelefon semula Pok Wee bersetuju dengan harga baru itu. Pihak-pihak akhirnya bersetuju untuk bertemu di kawasan letak kereta Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu (tempat kejadian) untuk tujuan penyerahan pil kuda yang dipesan.

[13] SP4 dan SP11 bersama pasukan masing-masing telah pergi ke tempat kejadian untuk membuat pemerhatian dan pengawasan bagi tujuan membuat serbuan (ambush) dan tangkapan. SP5 menelefon Pok Wee yang memberitahunya bahawa mereka akan datang dengan menaiki dua buah kereta, sebuah membawa barang (dadah) dan sebuah lagi untuk mengawasi keadaan.

[14] Pada jam 7.45 malam, OKT3 dan OKT4 tiba dengan kereta nombor pendaftaran DU2732 di tempat kejadian. Kedua-dua OKT3 dan OKT4 kemudiannya keluar daripada kereta itu dan SP5 telah pergi kepada mereka. Semasa berada bersama mereka itu, OKT3 telah menelefon seseorang. OKT3 memberitahu SP5 'barang ada 5 kandang saja'. Bila SP5 tanya kenapa, OKT3 memberitahu SP5 bahawa OKT2 memberitahunya yang towkay kata serah lima kandang dulu, kemudian baru ambil lima kandang lagi. SP5 bercakap terus dengan OKT2. OKT2 memberitahu SP5, towkay beliau tidak membenarkan menjual setongkol dan mencadangkan supaya menjual dahulu lima kandang dan selepas itu baru bagi lima kandang lagi. OKT4 memberitahu harga yang kena dibayar bagi lima kandang pil tersebut ialah RM13,750. OKT4 dan OKT3 juga ada menawarkan kepada SP5 ubat batuk pada harga RM650.

[15] Pada jam kira-kira 8.20 malam, OKT2 tiba bersama OKT1 di tempat kejadian dengan menaiki kereta nombor pendaftaran JDX377 (eksh P21). OKT2 datang ke arah mereka dengan membawa satu bungkusan (eksh P10), menyerahkannya kepada OKT3 dan kembali ke kereta nombor pendaftaran JDX377. OKT3 membawa masuk bungkusan tersebut ke dalam kereta dan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

telah membuka bungkusan tersebut lantas menunjukkan kandungannya kepada SP5. SP5 boleh nampak bungkusan tersebut mengandungi lima peket plastik biru (eksh P11AE) yang di dalamnya berisi plastik berangkai berisi pil-pil bewarna kemerahan.

[16] Setelah mengesahkan kandungan bungkusan yang diserahkan oleh OKT3 kepada OKT2 adalah pil kuda sepertimana yang dipesan, SP5 keluar daripada kereta dengan memberi alasan untuk mengambil wang dari rakan beliau (SP8). Dalam perjalanan menuju ke arah kereta SP8, beliau telah menggaru kepala sebagai tanda isyarat kepada SP4 dan SP11 serta anggota pasukan masing-masing.

[17] Anggota-anggota polis yang membuat pengawasan dan pemerhatian secara bersama dan serentak menyerbu kedua-dua kereta nombor pendaftaran DAU2732 dan JDX377 dan berjaya menangkap keempat-empat OKT. Pok Wee telah cuba melarikan diri apabila menyedari kehadiran anggota serbuan tetapi beliau telah berjaya ditangkap tidak jauh dari situ. Mereka juga cuba meloloskan diri dengan mengundurkan kereta nombor pendaftaran DAU2732 tetapi berjaya disekat oleh pihak polis sehingga berlakunya perlanggaran dengan kereta anggota serbuan.

[18] Di dalam kereta nombor pendaftaran DAU2732, SP4 menjumpai dan merampas bungkusan plastik (eksh P10) yang berada di bahagian tempat duduk penumpang hadapan. Bungkusan itu mengandungi bungkusan plastik biru (eksh P11AE) yang di dalamnya setiap satu berisi dua peket plastik berangkai (ekshs P11A(1)(2), P11B(1)(2), P11 C(1)(2), P11 D(1)(2) dan P11 E(1)(2) masing-masing berisi pil-pil yang disyaki pil kuda.

[19] Di dalam kereta nombor pendaftaran JDX377 pula, SP5 menjumpai dua botol berisi cecair yang disyaki ubat batuk. SP4 merampas satu botol daripada OKT1. SP4 juga merampas enam buah telefon bimbit daripada perayu-perayu (eksh P14AF), namun SP4 didalam keterangannya tidak dapat memastikan telefon tersebut dirampas daripada OKT mana.

[20] Kesemua mereka telah ditahan dan barang kes dirampas dan dibawa balik ke balai polis. Kesemua barang kes kemudiannya diserahkan kepada pegawai penyiasat ('SP10') melalui penolong pegawai penyiasat (SP7) untuk siasatan lanjut.

[21] Abdullah Zawawi ('SP2') ahli kimia yang menjalankan analisa mengesahkan bahawa pil-pil yang dirampas tersebut adalah dadah berbahaya jenis methampethamine seberat 18.77g.

[22] Di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara mendapati bahawa pihak

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT1. Oleh itu OKT1 telah dilepas dan dibebaskan. Walau bagaimanapun, YA hakim bicara mendapati satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap OKT2, OKT3 dan OKT4. Kesemua mereka telah dipanggil untuk membela diri. Ketiga-tiga OKT memilih untuk memberikan keterangan bersumpah.

PEMBELAAN OKT 2 (PERAYU PERTAMA)

[23] Menurut OKT2, beliau diperkenalkan oleh OKT3 kepada OKT4 yang kemudiannya mengajak beliau ke Medan Selera Stadium untuk berjumpa kawan OKT4. Mereka bertiga telah pergi ke situ dengan menaiki kereta OKT3 bernombor DAU2732. Di Stadium mereka berjumpa dengan tiga orang kenalan OKT4 yang memperkenalkan diri mereka sebagai 'Iwan', 'Azhar' dan 'Kamal'. Di situ OKT3, OKT4 serta Iwan duduk semeja dan berbual. Mengikut OKT2, beliau boleh dengar secara samar-samar perbualan tentang pil kuda. OKT3 bertanya kepada beliau samada beliau mempunyai pil kuda atau tidak kerana Iwan hendak beli. OKT2 memberitahu 'hari ni tak ada, mari sekali lagi baru ada'.

[24] Selepas itu mereka bersurai dan OKT2 telah balik ke tempat kerjanya di kilang ais di Pasir Mas. Seterusnya, OKT2 telah menerima pangilan telefon daripada Jafri (OKT1) meminta bantuan kerana vannya rosak. 0KT2 telah pergi untuk cuba membantu baiki van dengan menaiki kereta beliau bernombor JDX377, tetapi gagal. Semasa itu juga OKT3 menelefon beliau bertanyakan samada pil kuda yang dikehendaki oleh Iwan ada atau tidak. OKT2 memberitahu yang pil kuda tidak ada dan menawarkan ubat batuk, jika Iwan mahu beli. OKT2 tinggalkan Jaffri untuk mendapatkan ubat batuk di Lemal, Pasir Mas. Selepas mengambil tiga botol ubat batuk OKT2 balik semula ke tempat van Jaffri dan memberitahu Jaffri yang beliau hendak menghantar tiga botol ubat batuk tersebut kepada seorang kawan di Kota Bharu.

[25] OKT2 berkata beliau menelefon Iwan dan memberitahunya bahawa pil kuda tidak ada dan yang ada hanyalah ubat batuk. Iwan telah bersetuju dan meminta agar ubat batuk tersebut dibawa kepada beliau.

[26] Dalam perjalanan, Jaffri telah mengambil satu botol ubat batuk dan memasukkannya ke dalam poket seluar OKT2. OKT2 telah pergi ke tempat kejadian membawa dua botol ubat batuk yang diberikan kepada OKT3. Pada masa itu OKT3, OKT4 dan Iwan ada bersama berdekatan kereta OKT3. Apabila OKT3 tunjukkan kepada Iwan ubat batuk tersebut, Iwan memberitahu beliau tidak jadi beli ubat batuk itu. OKT2 pun bawa dua botol ubat batuk itu balik ke kereta beliau.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

[27] Selepas itu Iwan memanggil (melambai) beliau untuk datang semula ke kereta OKT3. Setiba dikereta itu Iwan menyuruh beliau masuk kedalam kereta. OKT2 masuk bersama-sama Iwan dan OKT3 sementara OKT4 berada di luar kereta. Semasa dalam kereta itu Iwan telah meletakkan satu bungkusan plastik/sampul di atas hand-brake dan terus keluar daripada kereta. Sejurus selepas itu polis telah datang menyerbu dan menangkap mereka.

[28] Menurut OKT2, beliau tidak pernah melihat bungkusan plastik (P10) tersebut sebelum itu. Beliau juga tidak pernah membawa bungkusan plastik itu ke situ pada hari itu. Apa yang telah beliau bawa hanyalah ubat batuk.

PEMBELAAN OKT3 (PERAYU KEDUA)

[29] Menurut OKT3 pula pada hari kejadian beliau menerima panggilan telefon daripada Pok Wee bertanyakan tentang pil kuda yang dikehendaki oleh Iwan. OKT3 memberitahu pil kuda susah untuk didapati. Bila Pok Wee beritahu yang Iwan datang dari Kuantan dan sangat berharap untuk membeli satu tongkol pil kuda dan sanggup membayar harga tinggi, OKT3 memberitahu yang beliau akan cuba mencarinya.

[30] Pok Wee kemudiannya membawa beliau berjumpa Iwan di Medan Selera Stadium. Bila diberitahu pil kuda susah didapati, Iwan terus mendesak dan menawarkan untuk membayar harga yang tinggi. Menurut OKT3 semasa bersurai pada hari itu beliau tetap menyatakan bahawa pil kuda tidak dapat dibekalkan pada hari itu.

[31] Selepas perjumpaan itu, OKT3 pulang ke Pasir Mas. Pok Wee sekali lagi bertanyakan tentang pil kuda. OKT3 menawarkan ubat batuk. Selepas itu Pok Wee menelefon balik dan memberitahu yang Iwan hendak beli dua botol ubat batuk. Ekoran itu, OKT3 menelefon OKT2 meminta cari dua botol ubat batuk.

[32] Pok Wee kemudiannya mengajak beliau ke tempat kejadian untuk menyerahkan ubat batuk yang dipesan oleh Iwan. OKT3 dengan Pok Wee menaiki kereta nombor pendaftaran DAU2732. Mereka tiba pada jam 7 malam, berjumpa Iwan dan menunggu OKT2. Setengah jam selepas itu OKT2 telah tiba dan membawa ubat batuk kepada beliau. Beliau telah tunjukkan kepada Iwan. Iwan tidak menerima ubat batuk itu atas alasan bahawa dua botol tersebut tidak mencukupi. OKT3 kemudiannya memberikan semula ubat batuk itu kepada OKT2. Lepas itu Iwan telah mengajak mereka masuk ke dalam kereta mereka untuk berbincang tentang pil kuda. Apabila beliau dan OKT2 masuk ke dalam kereta, Iwan telah meletakkan satu bungkusan plastik cerah di tempat hand-brake kereta itu dan dengan segera terus keluar daripada kereta tersebut. Pada masa itu OKT3

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

mendengar orang berkata 'polis'. Menurut OKT3 beliau telah keluar melarikan diri kerana takut dan rasa diperangkap. Bagaimanapun beliau telah berjaya ditangkap oleh polis selepas itu. Selepas itu beliau, Pok Wee (OKT4) dan dan OKT2 dibawa ke balai.

PEMBELAAN OKT4 (PERAYU KETIGA)

[33] OKT4 memberitahu, pada 31 Mei 2008, Jali seorang kenalan beliau memberitahu sepupunya dari Kuantan bernama Iwan hendak membeli pil kuda. OKT4 menelefon OKT3 dan telah diberitahu oleh OKT3 bahawa pil kuda tidak ada bekalan pada masa itu. OKT4 kemudiannya memberitahu hal itu kepada Iwan. Iwan mendesak untuk berjumpa dengan beliau di Medan Selera Stadium. Ekoran itu, OKT4 telah pergi ke stadium dengan menaiki kereta nombor pendaftaran DAU 2732 bersama OKT2 dan OKT3. Di situ OKT4 sekali lagi memberitahu Iwan yang pil kuda tiada. Selepas itu mereka bersurai dan OKT4 pulang ke Pasir Mas.

[34] Semasa di Pasir Mas, Iwan sekali lagi menelefon bertanyakan pil kuda. OKT4 masih menyatakan pil kuda tiada tetapi ubat batuk ada jika Iwan berminat. Iwan meminta dua botol sebagai sampel kerana tidak mahu pulang dengan tangan kosong. Iwan kemudiannya menetapkan tempat kejadian sebagai tempat berjumpa untuk tujuan penyerahan ubat batuk yang dipesan oleh beliau.

[35] Selepas itu OKT3 bersama OKT4 telah pergi ke tempat kejadian di mana mereka berjumpa dengan Iwan. Sejurus selepas itu OKT2 telah tiba dengan kereta nombor pendaftaran JDX377. OKT2 datang kepada mereka dengan membawa botol ubat batuk dan memberikannya kepada OKT3 dan OKT3 seterusnya menyerahkan botol ubat batuk itu kepada Iwan. Iwan enggan menerima ubat batuk tersebut atas alasan dua botol tidak mencukupi lalu mengembalikannya kepada OKT2. Lepas itu Iwan mengajak mereka bertiga masuk ke dalam kereta untuk berbincang tentang pil kuda. OKT2 dan OKT3 telah masuk sementara OKT4 berdiri di luar kereta. Setelah mereka masuk kedalam kereta, OKT4 mendapati Iwan telah keluar dengan cepat dari kereta itu. Melihat keadaan itu OKT4 telah masuk ke dalam kereta untuk bertanya dan sejurus lepas itu polis telah membuat serbuan dan mereka berempat (termasuk OKT1) telah ditangkap.

[36] OKT4 menafikan bahawa mereka ada membawa pil kuda ke tempat kejadian. Menurut OKT4, bungkusan mengandungi pil kuda tersebut telah diletakkan oleh SP5 untuk memerangkap dan menganiayai mereka.

[37] Saksi pembelaan SD4 (iaitu OKT1) memberikan keterangan yang serupa dan menyokong keterangan OKT2. Beliau mengaku telah mengambil

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

sebotol ubat batuk dari OKT2 semasa dalam kereta ketika dalam perjalanan ke tempat kejadian. Menurut SD4 semasa dalam perjalanan ke tempat kejadian beliau tidak nampak OKT2 membawa bungkusan plastik (P10). Keterangan beliau adalah selari dengan OKT2 berhubung kejadian dari masa van beliau rosak sehinggalah ke tempat kejadian.

[38] Di akhir kes pembelaan YA hakim bicara mendapati bahawa ketiga-tiga OKT2, OKT3 dan OKT4 telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan telah mensabitkan mereka dan dikenakan hukuman mati mandatori.

ALASAN RAYUAN

[39] Terdapat 10 alasan rayuan dikemukakan oleh OKT2 (perayu 1), dan 24 alasan rayuan telah dikemukakan oleh OKT3 (perayu 2) serta 13 alasan telah dikemukakan oleh OKT4 (perayu 3) didalam petisyen rayuan mereka. Kedua-dua penguamcara OKT2 dan OKT3 telah memfailkan hujahan bertulis mereka kecuali OKT4 yang tidak memfailkan sebarang hujahan bertulis dan telah mengguna pakai hujahan peguam OKT2 dan OKT3. Namun begitu, isu- isu yang telah dibangkitkan adalah bertindih di antara satu sama lain dan pada asasnya boleh dirumuskan seperti berikut; hakim bicara dikatakan telah khilaf tentang pemakaian s 2 dalam mendapati sabitan pengedaran dadah terhadap perayu-perayu, kegagalan untuk memakai s 39A(1)(r) ADB dalam menentukan hukuman dan juga kegagalan dalam memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan perayu-perayu. Perayu-perayu juga mempersoalkan kredibiliti SP5 sebagai '*agent provocateur*' yang menyebabkan identiti dadah di ragui.

[40] Peguam perayu pertama (OKT2) berhujah bahawa pemakaian s 2 oleh YA hakim bicara tanpa terlebih dahulu membuat penemuan tentang penyerahan dadah tersebut adalah satu kekhilafan berpandukan keputusan Mahkamah Persekutuan *Mah Hong Ching & Anor v Public Prosecutor* [2007] 1 MLJ 123 dan juga *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409. Mengikut peguam, di dalam kes ini YA hakim bicara tidak membuat apa-apa penemuan afirmatif yang dadah telah diserahkan untuk mewujudkan satu transaksi penjualan yang telah sempurna dan lengkap.

[41] Kami dapati, adalah tidak benar bahawa YA hakim bicara tidak membuat penemuan tentang terdapatnya penyerahan dadah apabila beliau memakai s 2 bagi mensabitkan ketiga-tiga OKT dengan kesalahan mengedar dadah. Di perenggan 30 alasan penghakimannya YA hakim bicara telah berkata, ' ... Ekoran persetujuan itu mereka telah membawa pil kuda tersebut ke tempat kejadian untuk tujuan penyerahan ... ' Dalam hal ini kami mendapati tiada apa-apa kekhilafan fakta telah dibuat oleh YA hakim bicara di

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

dalam dapatan faktanya, bahawa terdapat penyerahan berikutan daripada rundingan dan persetujuan yang telah tercapai antara 'agent provokatur' dan ketiga-tiga OKT. Lanjutan daripada penemuan dan perjanjian diantara mereka, satu transaksi jual beli yang sempurna telah berlaku dan menepati takrif pengedaran di bawah s 2 (sila rujuk kes Mahkamah Persekutuan *Mah Hong Ching & Anor v Public Prosecutor*, *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh*. Oleh itu kami mendapati bahawa hujahan peguam OKT2 adalah salah tempat dan tidak bermerit.

[42] Berkaitan dengan hujahan ini juga, peguam perayu ketiga (OKT4) juga berhujah bahawa YA hakim bicara seharusnya mengambil kira peruntukan s 39A(1)(r) ADB di dalam kes ini. Adalah dihujahkan bahawa memandangkan dadah yang terlibat di dalam kes ini adalah methamphetamine yang kurang daripada 30g, s 39A(1)(r) ADB seharusnya diguna pakai terhadap perayu-perayu, dan hukuman yang wajar adalah di bawah s 39A(1).

[43] Di dalam kes ini dapatan pengedaran dadah oleh OKT2, OKT3 dan OKT4 oleh YA hakim bicara adalah satu pengedaran dadah di bawah s 2 ADB dan bukannya satu tanggapan pengedaran di bawah s 37(da). Apabila telah dibuktikan terdapatnya pengedaran yang sebenar di bawah s 2 maka tidak perlu lagi apa-apa tanggapan dibuat di bawah s 37(da) ADB. Memandangkan definasi 'pengedaran' di bawah s 2 pada asasnya memerlukan satu kes pengedaran dibuktikan melalui cara-cara yang ditetapkan di bawah seksyen tersebut, jumlah atau berat dadah yang terlibat tidak lagi menjadi isu. Sepertimana yang telah di putuskan di dalam kes *Abdul Karim bin Pak Kub & Anor v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 112; [1997] 2 CLJ 383, di mana Mahkamah Rayuan memutuskan pada teorinya walaupun terdapat bukti pengedaran seberat satu gram sekalipun dadah berbahaya, ianya adalah mencukupi untuk membuktikan pengedaran di bawah s 2. Dengan itu, kami dapati tidak ada apa kekhilafan berlaku di atas pemakaian s 2 ke atas semua OKT, kerana fakta kes ini adalah jelas terdapatnya satu transaksi jual beli dadah.

IDENTITI DADAH/ KREDIBILITI SP5

[44] Peguam OKT2 juga telah cuba mempersoalkan kredibiliti SP5 sebagai 'agent provocateur'. Peguam OKT2 telah mempersoalkan tentang beg plastik cerah ('P10') yang dikatakan telah diletakkan oleh SP5 ke dalam kereta apabila beliau memasuki kereta bernombor DU2732. SP5 telah keluar dari kereta dan berjalan kearah kereta SP8 dan kemudian beredar dari lokasi tangkapan. Semasa tangkapan oleh SP4, SP5 tidak ada bersama. Tidak ada keterangan oleh pendakwaan yang kereta bernombor pendaftaran DU2732 telah diperiksa secara keseluruhannya untuk menafikan penyataan oleh ketiga-tiga OKT, bahawa plastik P10 diletakkan oleh SP5.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

[45] Dalam hal ini YA hakim bicara telah pun membuat penelitian tentang hujahan peguam mengenai kredibiliti dan kewibawaan SP5. YA hakim bicara mendapati tidak ada apa-apa keterangan dikemukakan untuk menyokong pengataan itu. Sebaliknya YA hakim bicara mendapati SP5 adalah saksi yang berwibawa dan kredibel dan keterangan beliau adalah utuh walaupun setelah disoal balas. YA hakim juga mendapati tindak tanduk dan *demeanor* SP5 jelas menunjukkan beliau adalah saksi yang bercakap benar dan keterangannya hendaklah diterima di bawah s 40(a) ADB. Malahan, YA hakim bicara mendapati keterangan SP5 adalah selari dengan tindakan awal dan susulan hasil rundingan jualan dadah yang tidak dinafikan oleh OKT2, OKT3 dan OKT4.

[46] Kami dapati tidak ada apa-apa kekhilafan oleh YA hakim bicara mengenai dapatannya tentang kredibiliti SP5. Dapatan YA hakim adalah berlandaskan alasan yang kukuh. Dapatan hakim bicara mengenai kredibiliti saksi adalah satu dapatan yang tidak harus diganggu gugat di peringkat rayuan. (sila rujuk kes *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79).

PEMBELAAN ADALAH SATU 'AFTERTHOUGHT'

[47] Pembelaan ketiga-tiga OKT telah dirumuskan oleh YA hakim bicara sebagai satu penafian semata-mata dan mempunyai unsur 'frame up' oleh SP5. OKT2, OKT3 dan OKT4 telah memberi keterangan dan mengatakan kemungkinan SP5 yang membawa dadah tersebut ke dalam kereta nombor pendaftaran DU2732.

[48] Dalam menganalisa pembelaan ketiga-tiga OKT, YA hakim bicara telah berpandukan kepada prinsip undang-undang yang diputuskan di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ (Rep) 311. Di dalam mempertimbangkan pembelaan 'frame up', YA hakim telah mendapati bahawa pembelaan ini telah dibuat tanpa apa-apa keterangan sokongan. YA hakim bicara juga telah meneliti keterangan SP5 dan membuat inferens yang wajar apabila beliau berkata sekiranya SP5 hendak berbuat demikian tidak perlunya untuk mereka membuat perjanjian dan menunggu di tempat kejadian. Lagipun, segala urusan berkaitan dengan rundingan tentang pembelian dari penjualan dadah tidak pernah dinafikan oleh mana-mana OKT. Maka adalah wajar dan munasabah yang dadah tersebut dihantar berikutan dengan satu perjanjian yang telah dicapai di antara mereka.

[49] Peguam perayu menimbulkan isu tentang penggunaan pembelaan 'afterthought' yang diguna pakai oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya. Kami bersetuju dengan hujahan pendakwa raya bahawa penggunaan perkataan tersebut tidak menjejas penemuan yang di buat oleh YA

JOBNAME: No Job Name PAGE: 15 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 24 17:02:28 2014

hakim bicara. Pada asasnya YA hakim bicara telah pun mempertimbangkan pembelaan yang dikemukakan berpandukan prinsip undang-undang yang betul. Kami dapati YA hakim bicara telah pun memberi pertimbangan wajar di dalam menilai dan membuat penemuanya bahawa pembelaan oleh ketiga-tiga OKT tidak menimbulkan satu keraguan munasabah terhadap kes pendakwa.

[50] Berdasarkan perbincangan di atas, kami dapati alasan-alasan rayuan yang telah dikemukakan adalah tidak bermerit. Setelah menghalusi rekod rayuan dengan teliti, kami dengan sebulat suara mengesahkan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh YA hakim Mahkamah Tinggi terhadap OKT2, OKT3 dan OKT 4.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum